

Kursus anjuran BTN bukan kepentingan politik

PETALING JAYA 20 Julai — Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Biro Tatane-gara (BTN) bukan bertujuan menjaga kepentingan politik sesuatu pihak tetapi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat keseluruhannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Raja Dato' Ariffin Raja Sulaiman berkata, BTN sebenarnya menjalankan kursus-kursus untuk memajukan masyarakat berdasarkan nilai-nilai murni seperti yang dituntut oleh agama dan bukannya mempengaruhi masyarakat untuk menyokong sesuatu badan politik.

"Sebenarnya BTN tidak mahu dihubungkan dengan politik kepartian kerana BTN menganjurkan kursus untuk semua pihak termasuk parti pembangkang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus Pengurusan Krisis (Antarabangsa) di sini hari ini.

Beliau berkata, kursus yang diadakan untuk pelajar yang akan ke luar negara ialah untuk menyedarkan mereka yang masih muda mengenai nilai-nilai



RAJA ARIFFIN

yang baik agar tidak mudah terpengaruh.

Bagaimanapun jika ada yang tertarik dan menyokong sesuatu parti selepas menghadiri kursus-kursus tertentu, itu adalah hak peribadi mereka dan bukannya dipengaruhi oleh BTN, katanya.

Raja Ariffin berkata, perkara itu selaras dengan tema yang ditekankan pada kursus-kursus anjuran BTN iaitu soal kenegaraan bukannya sesuatu yang mementingkan keperluan kaum atau pihak tertentu.

Beliau berkata, BTN kini menyusun cara untuk

memperkemaskan lagi pelaksanaan kursusnya agar turut melibatkan dan memberi kesan kepada lebih ramai bukan Melayu. Kebanyakan kursus sekarang ialah untuk peserta Melayu.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan kursus itu, Raja Ariffin berkata pengurusan yang betul diperlukan untuk menangani masalah dalam era perkembangan teknologi moden kerana kelewatan atau kesilapan mungkin akan menyebabkan peperangan.

Katanya, setiap negara perlu mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan krisis atau sebarang konflik yang timbul di peringkat dalam negara atau antarabangsa dengan teliti dan segera bagi mengelakkan berlakunya perselisihan yang berat.

Sebanyak 22 peserta dari Iran, Sudan, Indonesia, Vietnam, Mesir, Sri Lanka, Laos, Fiji, Oman, Kuwait, Pakistan dan Malaysia menyertai kursus enam minggu itu. — Bernama.